# Skim pilihan pelabur bumiputera

***AHB galak pelaburan patuh syariah, tingkat pemilikan dalam hartanah komersil***

SITI ZUBAIDAH MAT ISA




Mahmud Fauzi (empat dari kiri) bersama pemenang kempen 'Simpan, Labur dan Menang', Amirul Aiman (dua dari kiri), Mohd Fadzil (empat dari kanan) dan Noor Suzara (dua dari kanan).

Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) harus menjadi skim pilihan bagi pelabur Bumiputera kerana ia menggalakkan pelaburan patuh Syariah.

Pengarah Urusan Kumpulan Pelaburan Hartanah Berhad (PHB), Datuk Mahmud Fauzi Muda berkata, memilih AHB sebagai skim pilihan merupakan langkah penting untuk meningkatkan pemilikan bumiputera dalam hartanah komersil di negara ini.

"Walaupun menghadapi cabaran dalam pasaran hartanah di Malaysia sejak beberapa tahun kebelakangan ini, permintaan baru-baru ini untuk unit AHB sangat menggalakkan.

"Dana ini juga telah membayar sebanyak RM1.14 bilion dalam bentuk dividen kepada pelabur Bumiputera sejak lapan tahun yang lalu, sekali gus berjaya mengekalkan dividen tahunan yang agak konsisten dalam lingkungan 5.8 peratus hingga 7.5 peratus setahun selepas zakat," katanya menerusi kenyataan akhbar.

Sementara itu, Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) dan Maybank Asset Management Sdn Bhd (MAM) turut mengumumkan pemenang kempen 'Simpan, Labur dan Menang' yang dilancarkan pada 15 Ogos 2018.

Kempen itu bertujuan mempromosikan dan meningkatkan pelaburan dalam AHB, dana unit amanah yang disokong harta tanah patuh syariah yang pertama di Malaysia.

Hadiah pertama sebanyak 200,000 unit AHB dimenangi oleh Profesor Datuk Mohd Fadzil Abdul Rahman dari Sarawak.

Hadiah kedua sebanyak 100,000 unit AHB dimenangi oleh Noor Suzara Embong dari Terengganu.

Tempat ketiga pula dimenangi Mohammad Amirul Aiman Azman dari Johor dengan 50,000 unit AHB.

Sejak pelancaran skim AHB pada November 2010, PHB telah mencapai kemajuan yang berterusan dan ketara.

PHB kini memiliki lebih daripada lapan juta kaki persegi aset hartanah komersil, 22 bangunan di seluruh Malaysia, terdiri daripada pelbagai jenis kelas aset seperti bangunan pejabat, hospital pakar, pusat membeli-belah dan gudang logistik.

"Sehingga kini, PHB mempunyai jumlah aset bernilai kira-kira RM10.3 billion," katanya.

**info**

AHB
Amanah Hartanah Bumiputera

- Dilancarkan pada November 2010
- Ditaja oleh PHB dan diuruskan oleh Maybank Asset Management Sdn Bhd
- Memiliki dana permulaan sebanyak 1 bilion unit

AHB SIMPAN LABUR DAN MENANG DRAW

# Sarawak don wins 200,000 AHB units

**KUALA LUMPUR**: Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) and Maybank Asset Management Sdn Bhd (MAM) yesterday announced the winners of its "Simpan, Labur dan Menang" contest.

The first prize of 200,000 AHB units went to Professor Datuk Mohd Fadzil Abdul Rahman from Sarawak.

The second prize of 100,000 AHB units went to Noor Suzara Embong from Terengganu while the third place winner Mohammad Amirul Aiman Azman from Johor, a holder of Akaun Remaja went home with 50,000 AHB units.

Launched on August 15 2018, the campaign aimed at promoting and increasing investments in Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) — the country's first shariah-compliant real estate-backed unit trust fund in Malaysia.

The fund, which made its debut in 2010, is primarily aimed at providing more opportunities for Bumiputeras to partake in the beneficial ownerships of key commercial properties through their unit holdings in AHB.




**MOHAMMAD** Amirul Aiman Azman (second left) flanked by his parents, PHB group managing director Dato' Mahmud Fauzi Muda (fourth left), Professor Dato Mohd Fadzil Abdul Rahman (5th left) and his wife and Noor Suzara Embong (7th left) and her husband.

With "Simpan, Labur dan Menang", AHB unit holders with a minimum balance of 1,000 units in the account maintained for a period of six months, beginning October 1 2018 until March 31 2019, were automatically enrolled to participate for one random draw.

> **'New unit holders were also qualified to participate in the Draw provided their accounts were opened before October 1 2018.'**

Unit holders were entitled to one entry for every 1,000 units maintained throughout the period. All entries were calculated based on the average minimum monthly balance for six months.

New unit holders were also qualified to participate in the Draw provided their accounts were opened before October 1 2018.

Shortlisted participants were contacted by the draw manager to answer one skill-based question to complete the draw, and those with the right answers declared the winners.

# Permintaan tinggi unit AHB

## RM1.14 bilion dividen dibayar kepada pelabur hartanah sejak lapan tahun lalu

Oleh Shahrizan Salian
shahrizan_salian@bh.com.my

**Permintaan** untuk unit Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) sangat menggalakkan walaupun berdepan cabaran dalam pasaran hartanah di Malaysia sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Dana itu juga telah membayar sebanyak RM1.14 bilion dalam bentuk dividen kepada pelabur Bumiputera sejak lapan tahun lalu.

Ia berjaya mengekalkan dividen tahunan yang agak konsisten dalam lingkungan 5.8 hingga 7.5 peratus setahun, selepas zakat.

Pengarah Urusan Kumpulan Pelaburan Hartanah Bhd (PHB), Datuk Mahmud Fauzi Muda, berkata AHB adalah unik kerana memberi peluang kepada pemegang unit untuk melabur dalam hartanah utama bernilai tinggi tanpa menggunakan modal besar daripada pelabur individu.

"AHB harus menjadi skim pilihan bagi pelabur Bumiputera kerana ia menggalakkan pelaburan patuh syariah.

"AHB juga perlu menjadi skim pilihan untuk pelabur Bumiputera kerana ia langkah penting untuk meningkatkan pemilikan Bumiputera dalam hartanah komersial di negara ini," katanya dalam kenyataan pengumuman pemenang kempen 'Simpan, Labur dan Menang'.

Mengulas lanjut, Mahmud Fauzi berkata, sejak skim AHB dilancarkan pada November 2010, PHB mencapai kemajuan yang berterusan dan ketara.

"PHB kini memiliki lebih daripada lapan juta kaki persegi aset hartanah komersial. Kami mempunyai 22 bangunan di seluruh Malaysia, terdiri daripada pelbagai jenis kelas aset seperti bangunan pejabat, hospital pakar, pusat beli-belah dan gudang logistik.

"Sehingga kini, PHB mempunyai jumlah asset bernilai kira-kira RM10.3 bilion," katanya.

Beliau menambah, walaupun peratusan harta komersial yang dipegang oleh PHB dan AHB masih kecil berbanding pasaran keseluruhan, dana itu diyakini telah membentuk model pelaburan yang agak baik setakat ini.




***Mahmud Fauzi (empat dari kiri)*** *bersama pemenang kempen Simpan, Labur dan Menang, di Kuala Lumpur.*

AHB, katanya mempunyai potensi untuk terus berkembang dan memberi impak lebih besar pada masa akan datang.

Kempen 'Simpan, Labur dan Menang' bertujuan untuk mempromosi dan meningkatkan pelaburan dalam AHB, dana unit amanah yang disokong harta tanah patuh Syariah yang pertama di Malaysia.

Melalui kempen itu, pemegang unit AHB dengan baki minimum 1,000 unit dalam akaun yang dikekalkan untuk tempoh enam bulan, bermula 1 Oktober 2018 hingga 31 Mac 2019, secara automatik didaftarkan untuk mengambil bahagian dalam satu cabutan rawak.

Hadiah pertama sebanyak 200,000 unit AHB dimenangi Profesor Datuk Mohd Fadzil Abdul Rahman dari Sarawak.

Hadiah kedua sebanyak 100,000 unit AHB pula dimenangi Noor Suzara Embong dari Terengganu, manakala pemenang tempat ketiga ialah Mohammad Amirul Aiman Azman dari Johor.

# Winners of 'Simpan, Labur dan Menang' campaign announced

**KUCHING:** Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) and Maybank Asset Management Sdn Bhd (MAM) yesterday announced the winners of its 'Simpan, Labur dan Menang' campaign.

Launched on Aug 15 last year, the campaign aimed at promoting and increasing investments in Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) – the country's first shariah-compliant real estate-backed unit trust fund.

The fund, which made its debut in 2010, is primarily aimed at providing more opportunities for Bumiputeras to partake in the beneficial ownerships of key commercial properties through their unit holdings in AHB, said a statement yesterday.

With 'Simpan, Labur dan Menang', AHB unit holders with a minimum balance of 1,000 units in the account maintained for a period of six months, from Oct 1, 2018 to March 31, 2019, were automatically enrolled for one random draw.

The first prize of 200,000 AHB units went to Prof Dato Mohd Fadzil Abdul Rahman from Sarawak followed by second prize winner Noor Suzara Embong from Terengganu who received 100,000 AHB units.

Third-place winner Mohammad Amirul Aiman Azman from Johor, a holder of Akaun Remaja, went home with 50,000 AHB units.

PHB group managing director Dato Mahmud Fauzi Muda, who presented the prizes, lauded




Mahmud Fauzi (fourth left) poses with Amirul (second left, flanked by his parents, Fadzil (fourth right) and his wife, and Noor Suzara (second right) and her husband.

the winners' commitment to investing and financial planning.

"We hope that this has been a rewarding experience for you, and hope that this will serve as an inspiration for other Bumiputera investors and Bumiputera parents to start early in saving for their children," he said.

According to Mahmud Fauzi, AHB is unique in that it gives unit holders an opportunity to invest in high-value prime real estate without a large capital overlay from individual investors.

He added that despite the challenges in the property market in Malaysia over the past few years, recent demand for AHB units has been very encouraging.

He disclosed that the fund had also paid out approximately RM1.14 billion in dividends to its Bumiputera investors over the last eight years.

"It has managed to keep the annual dividends reasonably constant within the range of 5.8 per cent to 7.5 per cent per annum, net of zakat," he added.

Since the launch of the AHB scheme in Nov 2010, he said PHB now owns over eight million sq ft of commercial property assets.

"We have 22 buildings all over Malaysia, made up by a diverse range of asset classes comprising office buildings, specialist hospitals, shopping malls and logistics warehouse."

To date, PHB has a total asset worth approximately RM10.3 billion.

"Even though the percentage of commercial properties held by PHB and AHB is still small relative to the total market, I can safely say that the fund has established a reasonably good investment model so far.

"AHB has the potential to grow much bigger and make a bigger impact in the future," added Mahmud Fauzi.